

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) Apakah hasil pencapaian proses pemulihan dan penstrukturan semula Lembaga Tabung Haji dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap amalan memberikan hibah kepada pendeposit Tabung Haji yang melanggar Akta Lembaga Tabung Haji 1995; dan

(b) Sudahkah mereka yang terlibat dalam melanggar Akta ini dibawa ke mahkamah dan apakah keputusan penghakiman telah dibuat.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji telah berjaya melaksanakan penstrukturan semula kedudukan kewangannya dan mencatatkan lebih aset sebanyak RM1.0 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Ini menunjukkan kedudukan kewangan yang kembali pulih jika dibandingkan dengan keadaan defisit aset RM4.1 bilion yang dialaminya berdasarkan laporan kewangan yang diaudit bagi tahun 2017.

## NO. SOALAN: 88

Setelah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan dimuktamatkan pada 28 Disember 2018, **TH** merekodkan aset kesuluruhan berjumlah RM76.5 bilion yang lebih tinggi berbanding liabilitinya berjumlah RM75.5 bilion. Pendapatan bagi tahun 2018 adalah RM4.2 bilion manakala keuntungan boleh agih sebanyak RM2.0 bilion. Berdasarkan prestasi ini, **TH** telah berjaya memenuhi dua syarat yang membolehkan pengisytiharkan hibah dibuat, iaitu (i) mempunyai keuntungan boleh agih dan (ii) aset melebihi liabiliti, yang mematuhi Akta Tabung Haji 1995 (Akta **TH**).

Pelan Penstrukturan dan Pemulihan yang telah dilaksanakan membuktikan keprihatinan Kerajaan bagi menyelamatkan **TH** demi kepentingan 9.3 juta pendeposit. **TH** juga telah mencatatkan prestasi yang memuaskan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2019, dengan jumlah pendapatan bersih yang belum diaudit sebanyak RM623 juta manakala keuntungan bersih adalah RM440 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berkaitan manipulasi perakaunan ini telah dibuat pada 16 Januari 2019. Kes-kes yang telah dilaporkan kepada PDRM masih dalam siasatan dan menunggu tindakan pihak berkuasa seterusnya tindakan yang sewajarnya mengikut luns undang-undang akan diambil terhadap mereka yang didapati bersalah setelah hasil siasatan diperoleh kelak.

Sekian. Terima kasih.